

Malaysia minat melabur di Yemen

UM 18 AUG 2001

Daripada OTHMAN MOHAMAD

ADEN 17 Ogos — Malaysia berminat untuk melabur di Yemen sebagai langkah membantu memajukan republik ini, sekali gus menjadikan rantau ini pasaran yang baik untuk barangan keluaran Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, langkah itu juga adalah sebagai usaha memperbaharui semula hubungan perdagangan antara kedua-dua negara.

Sambil mengimbas kembali sejarah para pedagang Yemen yang giat berurus niaga di Malaysia dan rantau Asia Tenggara pada masa lampau, Dr. Mahathir mahukan usahawan di Yemen dan Malaysia saling bertukar-tukar maklumat mengenai potensi kerjasama pelaburan di kedua-dua negara.

"Membantu Yemen sebenarnya membantu kami sendiri. Ini kerana apabila Yemen maju dan makmur, ia secara langsung akan menjadikannya pasaran yang baik bagi barangan Malaysia," katanya kepada ahli-ahli Dewan Perdagangan dan Perindustrian Yemen di Aden Hotel di sini, malam tadi.

Mengenai kehebatan pedagang-pedagang Yemen pada masa lepas, Dr. Mahathir menyatakan mereka turut menyebarkan agama Islam di Malaysia malahan sebahagian daripada mereka menetap di Malaysia.

Pertemuan itu turut disertai oleh para usahawan Malaysia yang menyertai lawatan rasmi Perdana Menteri ke republik ini. Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik serta Menteri Luar Yemen, Dr. Abu Baker Al-Qirbi turut serta.

Eksport Malaysia ke Yemen tahun lepas bernilai RM261 juta manakala import dari Yemen hanya RM67 juta.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa Malaysia tidak boleh lagi bergantung kepada pasaran tempatan semata-mata untuk memasarkan perkhidmatan dan barangan keluaran tempatan kerana hanya mempunyai penduduk 22 juta.

Oleh itu, langkah gigih perlu dibuat bagi menerokai serta menembusi pasaran-pasaran baru di seluruh dunia.

Katanya, dalam konteks Yemen, Dr. Mahathir berkata, Malaysia bukan sekadar meninjau peluang pelaburan serta berusaha meningkatkan eksportnya malahan akan turut meningkatkan import dari negara ini.

"Kita akan teliti barangan yang boleh diimport. Bukan sekadar untuk kegunaan dalam negara tetapi juga untuk dipasarkan semula ke negara-negara lain," jelasnya.

Import utama Malaysia dari Yemen ketika ini ialah minyak mentah manakala barangan lain ialah makanan laut yang dibekukan, buah-buahan dan barangan berasaskan kulit.

Manfaat

Perdana Menteri menambah bahawa pendekatan Malaysia iaitu 'memakmurkan jiran tetangga' sebenarnya memberi manfaat besar kepada Malaysia kerana ia memberi saluran kepada barangan Malaysia selain dapat membantu negara-negara jiran berkenaan bergerak maju.

"Adalah lebih baik kita turut memikirkan untuk menjadikan negara lain kaya dan makmur kerana kita juga boleh menjual barangan kita," katanya sambil menambah bagaimanapun ada juga negara yang lebih gemar melihat negara lain sengsara hanya kerana mahu mengaut keuntungan singkat.

Jelasnya, bukanlah menjadi sesuatu perjuangan yang baik apabila bertindak

memusnahkan kemakmuran orang lain, hanya untuk mencari sedikit keuntungan.

Lewat petang semalam, Dr. Mahathir dan rombongan turut meninjau Kawas Perdagangan Bebas Aden dan Pelabuhan Aden di sini.

Beliau turut diberi taklimat mengenai Terminal Kontena di pelabuhan itu yang dikendalikan oleh Yemen Vest Co., syarikat usaha sama PSA Yemen dan Yemen Holdings Corporation.

Kerajaan Yemen sedang memajukan zon perdagangan itu yang luasnya 31,000 hektar.

Sementara itu Dr. Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali melawat Seiyun di wilayah Hadhramaut, sejam penerbangan dari sini, dalam rangka lawatan rasmi yang masuk hari ketiga hari ini.

Di Seiyun, Dr. Mahathir bertemu para penuntut Malaysia di Universiti Al-Ah-qaf serta berbincang dengan para ulama tempatan di Darul Mustafa.

Dalam acara berasingan, Dr. Siti Hasmah melawat Pusat Penjagaan Kanak-Kanak Cacat Hadhramaut di Seiyun serta menyumbangkan AS\$10,000 (RM38,000) kepada pusat itu. — Utusan